

**Pembangkok Semakin Celaru - Muhyiddin
Bernama
23 April, 2013**

JITRA, 23 April (Bernama) -- Kecelaru yang semakin ketara dalam kalangan pakatan pembangkang menunjukkan mereka tidak pernah sepakat untuk mencapai penyelesaian dalam sesuatu perkara, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan perdana menteri berkata terkini pemimpin-pemimpin pembangkang berebut-rebut mahu menjadi perdana menteri jika mereka menang pilihan raya umum ke-13 (PRU13) 5 Mei ini.

Katanya apa yang berlaku dalam kalangan parti pembangkang begitu berbeza dengan BN yang sentiasa berbincang termasuk dalam soal pembahagian kerusi.

"Pada PRU kali ini, pembangkang banyak berebut kerusi. (Di mana) PKR bertanding, PAS pun nak lawan. Mereka berikan gambaran mereka satu perikatan yang mantap tetapi sebenarnya tak mantap," katanya dalam ucapan semasa menyempurnakan majlis peletakan batu asas cadangan pembinaan Pusat Sukan Parlimen Jerlun di Sanglang dekat sini Selasa.

Katanya PAS mengatakan mereka mahu membentuk negara Islam sedangkan mereka hanya bertanding 70 daripada 222 kerusi Parlimen.

"Ini semua penipuan politik. Hari ini saya baca akhbar Anwar (Penasihat PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim) dah berangan menjadi perdana menteri walaupun belum mengundi. Takburnya. Anwar dah lama mimpi nak jadi perdana menteri. Dia ni kemaruk kuasa. Lepas itu Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang pun nak jadi perdana menteri," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=944429>